

Kesarjanaan Sufi Salafi di Maghribi: ‘Abd Allāh ibn ‘Abd al-Qādir al-Talīdī,  
Pengajian Hadis dan Kitab *Bidāyat al-Wuṣūl bi-Lubb Ṣiḥāḥ*  
*al-Ummāhāt wa al-Uṣūl*

A Moroccan Sufi Salafi Scholarship: ‘Abd Allāh ibn ‘Abd al-Qādir al-Talīdī, *Hadīth Studies and his work Bidāyat al-Wuṣūl bi-Lubb Ṣiḥāḥ al-Ummāhāt wa al-Uṣūl*

KHAIRIL HUSAINI BIN JAMIL<sup>1</sup> \* & TARIQ JAFRI MOHD AKBAR<sup>1</sup>

<sup>1</sup>Department of Qur’an and Sunnah Studies, Abdul Hamid AbuSulayman Kulliyah of Islamic Revealed Knowledge and Human Sciences, International Islamic University Malaysia, 50728 Kuala Lumpur, Malaysia

\*Corresponding Author ; email: husaini@iium.edu.my

Received: 31 March 2022 /Accepted: 15 October 2022

### ABSTRAK

Makalah ini menentengahkan kesarjanaan seorang tokoh Muslim Maghribi iaitu ‘Abd Allāh ibn ‘Abd al-Qādir al-Talīdī. Meskipun keilmuan beliau diiktiraf oleh sejumlah para ilmuwan dunia dan boleh dihargai menerusi karya-karya dan legasi beliau, tiada sebarang penerokaan ilmiah khususnya dalam bahasa Melayu yang memaparkan sejarah, kesarjanaan dan sumbangan beliau kepada tradisi keilmuan dan intelektual Islam. Makalah ini cuba mengisi kelompangan tersebut dengan menggunakan metode kajian kepustakaan dan analisis bersasar terhadap karya-karya beliau. Makalah ini akan turut menyentuh serba sedikit pemikiran madrasah al-Ṣiddīqiyyah al-Ghumāriyyah memandang ia meninggalkan pengaruh yang sangat besar kepada kesarjanaan al-Talīdī. Sejarah kesarjanaan al-Talīdī juga berupaya menjelaskan lagi gambaran polemik Salafi dan Sufi yang melatari kesarjanaan neo-tradisionalisme di Maghribi. Selanjutnya, karya al-Talīdī iaitu *Bidāyat al-Wuṣūl bi-Lubb Ṣiḥāḥ al-Ummāhāt wa al-Uṣūl* akan diperincikan kerana ia tidak hanya terhad kepada hadis-hadis ṣaḥīḥ sahaja dan tidak pula terlalu luas meliputi kesemua hadis. Ia seumpama pengembangan karya 40 hadis al-Nawawī yang tidak terhad kepada tema tertentu seperti *Riyāḍ al-Ṣāliḥīn* atau *Bulūgh al-Marām*. Kajian ini mendapati bahawa kepelbagaian pendirian dan konflik menunjukkan pengamalan ijthād turut wujud dalam kalangan mereka yang muncul di arena keilmuan melalui tradisi zāwīyah. Meskipun tidak terkenal sebagai salah seorang nuqqād dalam kesarjanaan hadis semasa, al-Talīdī telah memberikan sumbangan kepada pendidikan masyarakat umum melalui karya *Bidāyat al-Wuṣūl* yang menunjukkan bahawa pendekatan pengesahan hadis dan penolakan hadis yang sangat lemah dan palsu dianggap sangat penting dalam menyampaikan kerangka dan amalan Islam yang benar.

Kata kunci: al-Talīdī; Pengajian hadis; Sufi; Salafi; Maghribi.

### ABSTRACT

This paper highlights the scholarship of a Moroccan Muslim luminary, ‘Abd Allāh ibn ‘Abd al-Qādir al-Talīdī. Although his scholarship is recognised by numerous scholars across the globe and appreciated through his works, there has been no academic studies, especially in the Malay language that explores the history, the scholarship, and the contribution of al-Talīdī to the intellectual tradition of Islam. This paper attempts to fill this gap by conducting a library study and a targeted analysis within his works. It also provides an overview of al-Ṣiddīqiyyah al-Ghumāriyyah school due to its tremendous influence on al-Talīdī. The study of this scholarship will further explain the Salafi and Sufi polemics that underlie the neo-traditionalist endeavours in Morocco. Subsequently, al-Talīdī’s work *Bidāyat al-Wuṣūl bi-Lubb Ṣiḥāḥ al-Ummāhāt wa al-Uṣūl* will be given a detailed analysis for it is not limited to only ṣaḥīḥ ḥadīths but covers all important acceptable ḥadīths. The work can be regarded an extended version of al-Nawawī’s 40 ḥadīths, yet without limitation to a particular theme such as in *Riyāḍ al-Ṣāliḥīn* or *Bulūgh al-Marām*. This study finds that the diversity of stances and conflicts within the circle of al-Ṣiddīqiyyah al-Ghumāriyyah prove that ijthād has been constantly practised alongside the zāwīyah tradition. Although al-Talīdī was not well known as a nāqid in the contemporary ḥadīth

*scholarship, he has contributed to the education of the public through Bidāyat al-Wuṣūl. This demonstrated that the verification of ḥadīth and the sifting away of rejected ḥadīths are significantly crucial in the modern discourse of Islam.*

*Keywords: al-Talīdī; Hadīth studies; Sufi; Salafi; Morocco*

## PENGENALAN

Makalah ini mengetengahkan kesarjanaan seorang tokoh Muslim yang tidak asing lagi di negara Maghribi khususnya dan negara-negara Utara Afrika umumnya iaitu ‘Abd Allāh ibn ‘Abd al-Qādir al-Talīdī. Beliau meninggal dunia pada tahun 2017 dan berita pemergiannya telah dilaporkan dan diiringi dengan doa oleh pelbagai pihak antaranya Rābiṭah Ulamā’ Ahl al-Sunnah dan al-Rābiṭah al-Muḥammadiyyah li al-‘Ulamā’, Maghribi (al-Haddār 2017; Rābiṭah 2017). Meskipun keilmuan beliau diiktiraf oleh himpunan para ilmuwan dan boleh dihargai menerusi karya-karya dan legasi beliau, tiada sebarang makalah ilmiah khususnya dalam Bahasa Melayu, justeru tiada juga dalam bahasa Inggeris, yang memaparkan sejarah, kesarjanaan dan sumbangan beliau kepada tradisi keilmuan dan intelektual Islam zaman ini. Carian kata kunci “al-Talidi” dengan segala kemungkinan transliterasi pada pangkalan data seperti Ebscohost, Google Scholar, Research Gate dan Academia.edu tidak membuahkan sebarang hasil yang relevan. Hal ini berbeza dengan carian kata kunci berkenaan menggunakan bahasa Arab. Makalah ini cuba mengisi kelompangan tersebut dengan menggunakan metode kajian kepustakaan dan analisis bersasar terhadap karya-karya beliau. Di samping itu, pengalaman kedua-dua penulis yang pernah berguru dengan beliau pada kadar dan waktu yang berbeza akan turut dirunding dengan kewaspadaan terhadap kemungkinan sikap berpihak. Pembentangan fakta akan diutamakan untuk penilaian oleh pihak pembaca.

## BIOGRAFI RINGKAS

‘Abd Allāh merupakan anak kepada ‘Abd al-Qādir ibn Muḥammad ibn Aḥmad ibn Muḥammad ibn ‘Abd al-Salām al-Talīdī. Ibunya ialah Raḥmah bint Abī Ḥurmah ibn ‘Allāl. Beliau juga diberi panggilan hormat (*kunyah*) Abū al-Futūh. Nasabnya bersambung dengan moyang besar keluarga al-Talīdī iaitu Sulaymān ibn Muḥammad ibn ‘Isā yang bersambungan pula nasabnya dengan Idrīs I, pendiri kerajaan Idrīsiyyah dan pengasas negara Maghribi. Penegasan nasab ini dilakukan sendiri oleh ‘Abd

Allāh al-Talīdī memandangkan terdapat pihak yang mempertikaikan kesahihan nasab beliau (al-Talīdī t.t.). Mereka cenderung memanggil beliau “al-Kurfaṭī (dieja juga Gorfti dan Gorfet) yang mendakwa sebagai al-Talīdī” (Bū Khubzah 2018). Padahal nasab al-Talīdī pula tergolong sebagai salah satu keluarga keturunan Rasūl Allāh.

al-Talīdī dilahirkan di kampung Ṣāf, di Beni Gorfett, sebuah pekan di bawah pentadbiran Tétouan, Maghribi pada 15 Sha‘bān 1344/5/6/7 (dipersilahkan) Hijrah bersamaan 1926/7/8/9 Masihi (al-Talīdī 2004). Beliau dibesarkan dalam suasana kesan Perang Dunia Pertama (1914-1918) masih berlarutan dan bahagian utara Maghribi seluruhnya berada di bawah penjajahan Sepanyol (al-Kattānī t.t.). Memandangkan ayahanda beliau terlibat dalam perjuangan menentang penjajahan, keluarga mereka terpaksa berpindah-pindah antara Tangier dan Beni Gorfett beberapa kali selain berhadapan cabaran pemenjaraan ayah beliau, kemiskinan dan kekurangan makanan yang melanda masyarakat. Ketika ini, pendekatan kasar dan menghukum oleh guru-guru al-Qur’ān menyebabkan beliau berhadapan cabaran yang sukar untuk memulakan pengajian. Keadaan sedemikian berterusan sehingga Perang Dunia Kedua (1939-1945). Meskipun begitu, beliau tetap menamatkan pengajian al-Qur’ān. Kehidupan remaja beliau semasa perang dunia tersebut diisi dengan pelbagai pekerjaan kasar untuk menampung kehidupan menyebabkan beliau terhenti daripada pengajian. Beliau hanya menyambung semula pengajian ketika memasuki usia 20-an dan mempelajari kitab-kitab pelbagai bidang agama. Tuduhan mencuri yang tidak pernah dibuktikan telah memutuskan beliau dari pengajian sehingga beliau memasuki sistem pengajian agama di Masjid Besar Tangier. Pengajian di kota besar ini mendedahkan beliau kepada pelbagai pengalaman melihat konflik keagamaan, kepartian, revolusi dan kenegaraan. Beliau akhirnya meninggalkan Tangier dan berpindah ke Fes pada tahun 1377H/1950M. Situasi politik sekali lagi telah menyebabkan beliau kembali ke Tangier dan menuntut ilmu daripada sebilangan besar tokoh-tokoh keluarga al-Ghumārī. Pengajian inilah

yang membentuk kesarjanaan beliau sehingga beliau meninggal dunia pada 12 Dhū al-Qa'idah 1438H bersamaan 5 Ogos 2017M. Antara sumber utama biografi beliau ialah:

1. Buku beliau bertajuk *Dhikrayāt min Ḥayātī* – dicetak (al-Talīdī 2004).
2. Buku *Anīs Darbī wa Hidāyat Rabbī li Sīrat al-Sharīf wa al-Muḥaddīth al-Murabbī Sīdī 'Abd Allāh al-Talīdī* oleh al-Ḥusayn Hishām Ashbūkī – belum dicetak (al-Būzaydī 2012).
3. Ringkasan buku di atas yang bertajuk *'Abd Allāh al-Talīdī: al-'Allāmah al-Murabbī wa al-Muḥaddīth al-Atharī* oleh pengarang yang sama – dicetak (Ashbūkī 2004).
4. e-Buku *Mulāḥazāt wa Ta'līqāt 'alā Ashbūkī fī Kitāb 'Abd Allāh al-Talīdī* oleh al-Sharīf al-Ḥasan ibn 'Alī Abū Muḥammad al-Kattānī (t.t.).
5. Siri syarahan sempena hari penghargaan kesarjanaan beliau di al-Majlis al-'Ilmi, Tangier pada 23 Mac 2012 (*Silsilah 'Ulamā' Fī Diyāfat al-Majlis al-'Ilmi* 2013). Ia mengandungi transkripsi ucapan-ucapan berikut:
  - a. *al-'Allāmah al-Murabbī al-Muḥaddīth al-Shaykh Sīdī 'Abd Allāh al-Talīdī* oleh Dr. Muḥammad al-Faqīr al-Tamsamānī (Temsamane).
  - b. *Min Quḍāt al-Muḥaddīthīn fī Maḥkamat al-Jarḥ wa'l-Ta'dīl: al-Shaykh Sīdī 'Abd Allāh al-Talīdī* oleh Sīdī al-Mukhtār al-Tamsamānī.
  - c. *Nubdhah Mukhtaṣarah 'an Mu'allafāt al-'Allāmah Sīdī 'Abd Allāh al-Talīdī* oleh Nūr al-Dīn Lashkar.
  - d. *Shahādah fī Haqq 'Alim* oleh Sa'īd al-'Aṭfī.
  - e. *Kalimat Shukr 'an Sīdī 'Abd Allāh al-Talīdī* oleh Ahmad al-Tamsamānī.
6. Makalah *al-'Allāmah al-Muḥaddīth al-Shaykh Sīdī 'Abd Allāh al-Talīdī wa Juhūduhu fī Khidmat al-Sunnah Tadrīsān wa Ta'līfā* oleh Dr. Usāmah al-Haddār (2017), Markaz Ibn al-Qaṭṭān li al-Dirāsāt wa al-Abḥāth fī al-Ḥadīth al-Sharīf wa'l-Sīrah al-'Aṭīrah.
7. Entri dalam *Mu'jam al-Ma'ājim wa al-Mashyakhāt wa al-Fahāris wa al-Barāmij wa al-Athbāt* oleh Yūsuf al-Mar'ashlī (2002).
8. Entri dalam *Ghāyat al-Rusūkh fī Mu'jam al-Shuyūkh* oleh Husni Genting al-Langkātī (t.t.).
9. Ijazah periwatan umum kepada Dr. Khairil Husaini Bin Jamil, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Di dalamnya al-Talīdī menyenaraikan gurunya dan ijazahnya.

## MADRASAH AL-ṢIDDĪQIYYAH AL-GHUMĀRIYYAH

Pengenalan berkenaan pemikiran madrasah al-Ṣiddīqiyyah al-Ghumāriyyah ini penting memandangkan ia meninggalkan pengaruh paling besar dalam kesarjanaan al-Talīdī. Sekolah pemikiran ini bermula dengan Muḥammad ibn al-Ṣiddīq ibn Aḥmad ibn 'Abd al-Mu'min (1295-1354H/-1878-7935M) yang berketurunan al-Ashraf al-Ḥasanī (susur galur keturunan Rasūl Allāh dari cabang al-Ḥasan ibn 'Alī) yang menetap di Ghumārah, Maghribi. Ayahnya telah menghantar beliau ke Fes untuk menuntut ilmu dan di sana beliau menyertai tarekat Dirqāwiyah Shādhiliyyah (al-Ghumārī 1947). Apabila pulang ke Tangier, beliau telah mengasaskan al-Zāwiyah al-Ṣiddīqiyyah sebagai cabang Dirqāwiyah yang menggabungkan antara tasawuf dan keilmuan yang menggalakkan ijtihad berbanding taklid (Kanzah 2005).

Anak-anak beliau seramai tujuh orang telah muncul sebagai tokoh-tokoh yang meninggalkan kesan yang besar bukan sahaja di Maghribi, bahkan di negara-negara umat Islam. Mereka, berdasarkan turutan, ialah:

1. Aḥmad Abū al-Fayḍ (1320-1380H/1902-1960M).
2. 'Abd Allāh Abū al-Faḍl (1328-1413H/1910-1993M).
3. Muḥammad al-Zamzamī 1330-1408/1911-1988M).
4. 'Abd al-Ḥayy (1335-1415H/1918-1995M).
5. 'Abd al-'Azīz Abū al-Yusr (1338-1418H/1920-1997M).
6. al-Ḥasan Abū al-Majd (1344-1431H/1926-2010H).
7. Ibrāhīm (1354-1424H/1935-2003M) (daripada ibu yang lain).

Antara yang turut terkenal daripada keluarga ini ialah 'Abd al-Bārī ibn Muḥammad al-Zamzamī (1362-1437H/1943-2016M) dan 'Abd al-Mun'im ibn 'Abd al-'Azīz.

Muḥammad al-Ghumārī meletakkan keutamaan kepada mengikuti al-Qur'an dan Sunnah meskipun sebahagian ijtihad dalam memahaminya akan bercanggah dengan pendapat dalam mazhab Maliki yang diikuti oleh para ulama Maghribi. Beliau juga amat lantang dalam menentang penjajahan Perancis. Madrasah al-Ghumārī secara umum dianggap mewakili metodologi Ashā'irah meskipun mereka

juga ditohmah sebagai pendukung Syiah (al-Jabārī 2012). Menurut al-Kattānī (t.t.), mereka berpegang kepada pendapat Syiah Zaydiyyah berkenaan kedudukan pada sahabat Nabi dan berbeza pendapat dalam persoalan *al-asmā' wa'l-sifāt*. Terdapat juga kritikan-kritikan terhadap Ashā'irah yang dinukilkan daripada mereka (al-Marākishī 2016: 5-6; Ibn Ṣādiq 2007). Dari sudut pengamalan fikah, mereka dianggap cenderung kepada mazhab al-Zāhirī meskipun mereka mengutamakan ijtihad dan mengamalkan *qiyās* (al-Jabārī 2014). 'Abd Allāh al-Ghumārī menukilkan daripada bapanya bahawa tasawuf secara umumnya berpaksikan al-Qur'ān dan Sunnah. Tarekat hanyalah satu metode penyusunan seperti susunan mazhab fikah dan perbahasan ilmu kalam ('Abd Allāh ibn Muḥammad ibn al-Ṣiddīq al-Ghumārī 1998: 10-12; 2004: 2:34-61). Namun, terdapat perbezaan ketara dengan "*popular Sufism*" apabila aspek ilmiah ditegaskan dalam madrasah ini sehingga dianggap membawa "*Tasawwuf 'Ilmi*" (Rashād 2018). Pendek kata, madrasah al-Ghumāriyyah boleh dianggap bercirikan "*iconoclasm*" dan neo-tradisional (Laher 2018).

Hal di atas hanyalah satu gambaran umum. Terdapat perbezaan antara anak-anak al-Ghumārī dalam hal-hal tertentu. Muḥammad al-Zamzamī, contohnya, telah meninggalkan pengamalan tarekat dan menentang penyelewengan tasawuf dan amalan bidaah yang berlaku di kebanyakan *zāwiyah* oleh guru dan pengamal tarekat (al-Zamzamī 1988, 1999). Tindakan ini telah mewujudkan konflik antara beliau dan adik-beradiknya sehingga membawa kepada pembantahan melalui karya-karya ilmiah dan pengadilan di mahkamah. Namun, sumber lisan turut menyatakan yang perdamaian telah dijalinan pada akhir hayat beliau dengan ksemua pihak saling memaafkan antara satu sama lain.

al-Talīdī menyatakan bahawa para ulama Maghribi melarang beliau dengan keras daripada menghampiri Sīdī Aḥmad al-Ghumārī, anak sulung dan pemimpin tarekat al-Ṣiddīqiyyah. Hal ini kerana pendekatan ijtihad al-Ghumāriyyah bercanggah dengan sikap taasub terhadap mazhab Maliki yang mereka pegang. Walau bagaimanapun, beliau mula menghadiri *zāwiyah* al-Ṣiddīqiyyah ketika majlis memperingati al-Marḥūm Muḥammad ibn al-Ṣiddīq pada tahun 1952M. Beliau menzahirkan keingkarannya terhadap alat-alat muzik yang dilihat olehnya di *zāwiyah* kepada rakan-rakannya (Ashbūkī 2004).

Tokoh al-Ṣiddīqiyyah pertama yang beliau lazimi ialah Sīdī Muḥammad al-Zamzamī yang menjadi pengganti Sīdī Aḥmad yang dipenjarakan. Beliau

membaca kepadanya kitab *Bulūgh al-Marām* dan sebahagian *Lubb al-'Uṣūl*. Kemudian, al-Talīdī berguru dengan Sīdī 'Abd al-Ḥayy yang mengajarnya usul fikah menerusi *Miftāḥ al-Wuṣūl* dan kitab-kitab lain. Namun, beliau lebih rapat dengan Sīdī 'Abd al-Azīz yang menurunkan kepadanya keserjanaan ilmu hadis. Beliau membaca *Jāmi' al-Tirmidhī*, *Nukhbat al-Fikar*, *Alfiyyah al-'Irāqī* dan lain-lain kepadanya (al-Talīdī 2004).

Apabila Sīdī Aḥmad dibebaskan dari penjara pada tahun 1954M, beliau tidak dibenarkan tinggal di Tangier. Beliau menetap di Salé dan al-Talīdī telah pergi ke sana untuk berguru dengan pemimpin tarekat al-Ṣiddīqiyyah tersebut. Hubungan yang erat dengan gurunya itu boleh dilihat gambarannya menerusi perkhabaran kepadanya oleh Sīdī Aḥmad bahawa Rasūl Allāh menyukai al-Talīdī. Turut diceritakan bahawa ayahanda al-Talīdī telah bermimpi melihat Rasūl Allāh membahagikan kunci-kunci kepada ramai pengikut madrasah al-Ṣiddīqiyyah. Apabila beliau hendak mengambil sebuah kunci istimewa, baginda telah memberikannya kepada ibu 'Abd Allāh al-Talīdī, iaitu untuk anaknya (Ashbūkī 2004). Sīdī Aḥmad juga diiktiraf sebagai individu yang bertanggungjawab memasukkan dan menggerakkan keserjanaan hadis dalam madrasah al-Ṣiddīqiyyah (Zaḥl 2019). Beliau menggabungkan tasawuf dan hadis dalam pendekatan beliau. Kisah-kisah pembukaan rohani yang berlaku kepada al-Talīdī dan kemahirannya dalam ilmu hadis telah menyebabkan beliau memberikan *kunyah* (panggilan hormat) Abū al-Futūh (bapa pembukaan) kepada al-Talīdī. Demikian hubungan dan pengaruh al-Ṣiddīqiyyah al-Ghumāriyyah dalam kehidupan awal dan keserjanaan al-Talīdī.

## PENGALAMAN AWAL CITRA SALAFI DAN SUFI

Penggunaan terminologi Salafi dan Sufi mungkin menimbulkan kesukaran sekiranya diambil kira kesemua dakwaan dalam mendefinisikan terminologi tersebut. Secara umumnya, kesemua pihak bersepakat bahawa perkataan Salaf merujuk kepada generasi terawal Islam khususnya generasi para Sahabat dan tabiin. Oleh sebab itu, Salafiyyah ditafsirkan oleh sebahagian ilmuwan sebagai satu era dalam sejarah Islam (al-Būṭī 1988). Namun, penggunaan Salafiyyah sebagai nama mazhab telah dianggap merujuk kepada usaha mengikut secara langsung makna al-Qur'ān dan hadis, kemudian pendapat umum para Sahabat, kemudian pendapat individu dalam kalangan mereka, kemudian pendapat umum para tabiin, dan seterusnya,

dengan mengikut turutan ini, tanpa mengambil kira keserasiannya dengan mazhab fikah yang diamalkan oleh masyarakat setempat (Wagemakers 2019). Oleh sebab itu, sebarang usaha mengkritik atau meninggalkan pandangan mazhab boleh dianggap oleh sesetengah pengkaji sebagai mengangkat Salafiyyah walaupun susunan di atas tidak semestinya diikuti (Ali 2019). Dalam konteks pertembungan antara madrasah al-Ghumāriyyah dengan ulama yang tegas memelihara pengamalan mazhab Maliki di Maghribi, al-Ghumāriyyah akan dianggap sebagai mewakili Salafiyyah (Aamadou Diallo 2021). Namun, dalam konteks pertembungan antara mereka yang menentang tasawuf dan pengamal tasawuf, al-Ghumāriyyah tidak dianggap mewakili Salafiyyah kerana mengekalkan tradisi tertentu mazhab Sufi (al-Hānī 2019). Makalah ini menggunakan terminologi tersebut hanya untuk tujuan meletakkan perbincangan dalam konteks berkenaan dan bukan untuk menetapkan maksud sebenar Salafi dan Sufi.

al-Talīdī menceritakan berkenaan taklid dalam kalangan guru beliau. Terdapat seorang guru di Tangier yang begitu mengambil berat berkenaan hadis khususnya hadis-hadis dalam *al-Ṣaḥīḥayn* (Abu Bakar 1986). Namun, beliau menganggap sebarang individu yang menyelisih mazhab sebagai pelaku bidaah, sesat, tergolong dalam kelompok *khawārij* dan munafik. Kata al-Talīdī, “Aku mendengar beliau berkali-kali mengkritik sesiapa yang meletakkan tangan kanan di atas tangan kiri semasa berdiri di dalam solat dan menganggap individu berkenaan sebagai munafik. Beliau berhujah dengan ayat 67 surah al-Tawbah” (al-Talīdī 1993: 1:159). Oleh sebab itu, antara kitab yang banyak dipelajari ketika itu ialah *Mukhtaṣar Khalīl*, *al-Murshid al-Mu'īn li-bni 'Āshir*, dan *Kifāyah al-Ṭālib al-Rabbānī Sharḥ Risālah Ibn Abī Zayd al-Qayrawānī* (al-Kattānī t.t.). Sangat jarang dipelajari *Subul al-Salām*, *Nayl al-Awtār* dan *Sharḥ 'Umdat al-Aḥkām*. al-Talīdī pernah diarahkan untuk meninggalkan huraian al-Nawawī kepada *Ṣaḥīḥ Muslim* kerana bertanya kepada gurunya berkenaan percanggahan antara hadis dan amalan mazhab Maliki. Beliau semakin kehairanan tentang amalan mazhab Maliki apabila membaca kitab Ibn Qayyim al-Jawziyyah iaitu *Zād al-Ma'ād* (Ashbūkī 2004).

Selain suasana keilmuan di Maghribi yang mendukung tasawuf dan pembinaan *zāwiyah*, al-Talīdī mendapat pendedahan awal berkenaan tema *al-zuhd wa'l-raqā'iq* (kezuhudan dan kelembutan jiwa) melalui kitab *Tanbīh al-Ghāfilīn* karangan Abū'l-Layth al-Samarqandī (944-983M). Beliau sangat terkesan dengan kitab tersebut dan menjadi gemar

beribadah serta memelihara anggota tubuh daripada perlakuan maksiat akibat membacanya berterusan siang dan malam (al-Talīdī 2004: 43). Sebahagian pendukung Salafiyyah mengkritik kitab ini dan menyatakan bahawa al-Dhahabī telah mengkritik al-Samarqandī yang banyak menyebarkan hadis palsu (Āl Salmān 1995: 2:198). al-Talīdī menyatakan bahawa meskipun terdapat percampuran hadis sahih dan palsu, ia tetap dapat dimanfaatkan. Beliau menyeru para penuntut membaca karya-karya *al-zuhd wa'l-raqā'iq*. Kata al-Talīdī, “Aku terkesan dengan riwayat hidup para *ṣāliḥīn*, *zuhhād* dan *awliyā'*. Aku sering mengimpikan untuk bersama mereka pada darjat-darjat yang tinggi dan sering mengikut akhlak dan perilaku mereka” (al-Talīdī 1993: 1:124).

Sudah tentu pengaruh para guru beliau terutamanya Sīdī Aḥmad amat besar dari aspek hadis dan tasawuf. Apabil Sīdī Aḥmad dianggap terpengaruh dengan tasawuf Wahdatul Wujud, al-Talīdī juga turut dianggap terpengaruh dengan aliran berkenaan (Bū Khubzah 2018). Madrasah al-Ghumāriyyah menyebabkan al-Talīdī keluar daripada ketaasuban kepada mazhab Maliki dan membawa beliau kepada pendekatan tanpa mazhab dan tarekat Shādhiliyyah Ṣiddīqiyyah bersamanya. Namun, pendedahan kepada ilmu hadis dalam madrasah ini menyebabkan beliau meninggalkan mazhab *al-Ashā'irah al-mutakhirrīn* dan mengikut akidah yang beliau sifatkan sebagai Salafiyyah. Menurutny, Sīdī Aḥmad memperkenalkan kepadanya kitab *al-Tawḥīd* oleh Ibn Khuzaymah, *al-I'tiqād* oleh al-Bayḥaqī, dan *al-Durrah al-Muḍīyyah* oleh al-Safārīnī. Beliau membacanya bersama kitab *al-Uluw* oleh al-Dhahabī, *Ijtīmā' al-Juyūsh al-Islāmiyyah* oleh Ibn Qayyim al-Jawziyyah, *al-Ibānah* oleh Abū al-Ḥasan al-Ash'arī, *al-'Aqīdah al-Ṭahāwiyyah* oleh al-Ṭahāwī dan *Lum'at al-I'tiqād* oleh Ibn Qudāmah (al-Talīdī 2004: 96).

Pandangan beliau berkenaan tasawuf setelah fasa awal kehidupan adalah lebih sulit memandangkan ia sentiasa diambil berat oleh beliau. Namun, terdapat pendapat yang menyatakan bahawa beliau terus kekal bersama tasawuf falsafah secara tersembunyi (Bū Khubzah 2018). Oleh sebab itu, hal ini tidak akan dibicarakan pada bahagian ini.

#### KESARJANAAN UMUM AL-TALĪDĪ

Penglibatan dan sumbangan kesarjanaan al-Talīdī boleh dikategorikan kepada: (1) aktiviti ilmiah dan dakwah (2) institusi, dan (3) penulisan.

## Aktiviti Ilmiah dan Dakwah

Seperti tradisi ilmuwan Muslim yang lain, al-Talīdī menyampaikan ilmunya kepada masyarakat khususnya golongan penuntut ilmu. Beliau tidak mementingkan pengikut yang ramai tetapi menumpukan kepada melatih beberapa orang pengikut yang setia bersamanya. Walau bagaimanapun, penuntut ilmu yang belajar daripada beliau tetap ramai jumlahnya. Kaedah pengajaran utama al-Talīdī ialah pembacaan kitab oleh anak murid kepadanya. Beliau akan membetulkan pembacaan mereka dan menyatakan ulasan ringkas apabila perlu. Menurut Ashbūkī (2004: 72–73), terdapat tiga bentuk majlis pengajian bersama al-Talīdī:

1. Majlis pembacaan kitab-kitab sumber teras hadis Nabawi.
2. Majlis pembacaan dan pengulasan kitab-kitab bidang ilmu yang lain.
3. Majlis spontan selepas solat atau ketika kehadiran tetamu.

Melalui kaedah ini, mereka telah mengkhataamkan pelbagai kitab antaranya *Tafsīr al-Jalālayn*, *Tafsīr Ibn Kathīr*, *Tafsīr al-Khāzin*, *Ṣafwat al-Tafāsīr*, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, *Ṣaḥīḥ Muslim*, *Jāmi‘ al-Tirmidhī*, *Sunan Abī Dāwūd*, *Musnad Aḥmad*, *‘Umdat al-Aḥkām*, *Bulūgh al-Marām*, *Nayl al-Awtār*, *Alfiyyat al-‘Irāqī*, *Miftāh al-Wuṣūl*, *Nūr al-Yaqīn*, *Risālat Ibn Abī Zayd al-Qayrawānī*, *Fiqh al-Sīrah*, *al-Risālah al-Qushayriyyah* dan banyak lagi. Sebahagian daripadanya telah dikhatamkan berulang kali (Abdullah 1985; al-Talīdī 2004; Ashbūkī 2004: 61–65). Beliau juga menulis seperti yang akan diperincikan nanti,

Selain mengajar dan menulis, beliau juga menjadi imam dan menyampaikan khutbah antaranya di Ḥayy al-Muṣallā, Ḥayy al-Maṭāfi, Jāmi‘ al-Sūsiyyīn dan lain-lain. Di samping itu, beliau juga menyampaikan fatwa-fatwa agama, sosial dan politik kepada masyarakat yang sebahagiannya menimbulkan penentangan terhadap beliau dan sekatan terhadapnya (Ashbūkī 2004: 57). Beliau juga bermusafir ke pedalaman untuk berdakwah kepada kabilah-kabilah di sana tetapi dituduh sebagai pendakwah Kristian (al-Talīdī 2004: 69). Untuk meluaskan lagi capaian penyampaian ilmu dan dakwah, pengikut al-Talīdī telah membina laman web di alamat [<http://talidi.com/>]. Laman web ini menghimpunkan fatwa-fatwa, gambar-gambar aktiviti, perpustakaan digital beliau, kitab-kitab penulisan beliau, nota dan catatan ilmiah,

senarai anak murid utama dan masyhur, dan disertai dengan biografi ringkas dan arkib berita berkenaan beliau (Idārat al-Mawqī‘ 2021).

al-Talīdī juga telah melakukan perjalanan ke luar negara khususnya perjalanan haji dan umrah yang berulang kali, dan terutamanya umrah pada bulan Ramadan (Ashbūkī 2004: 58–59). Melalui cara ini, beliau mempunyai jaringan anak murid dari serata dunia termasuk salah seorang penulis makalah ini. Beliau akan mengkhataamkan bacaan kitab-kitab tertentu bersama penuntut ilmu yang menemui beliau dalam perjalanan tersebut. Selain itu, beliau juga mempunyai jaringan hubungan dengan ramai ilmuwan dari seluruh dunia. Antara yang pernah beliau temui ialah Muḥammad Nāṣir al-Dīn al-Albānī, ‘Abd al-Fattāh Abū Ghuddah, Yāsīn al-Fādānī, Muḥammad ibn ‘Alawī al-Mālikī, ‘Umar Ḥasan Fallātah, dan ‘Abd al-Raḥmān Ḥasan Ḥabannakah. Ini ditambah lagi dengan pertemuan bersama puluhan para pensyarah dan pengajar di institusi pengajian tinggi dunia Islam.

## Institusi

Terdapat dua institusi utama yang diasaskan oleh al-Talīdī. Yang pertama ialah sebuah *zāwiyah* yang beliau menjadi tuan gurunya. Yang kedua pula ialah sebuah pusat pengajian al-Qur’ān.

*Zāwiyah* yang dibangunkan di Marshān dan dikenali dengan nama al-Zāwiyah al-Talīdiyyah (al-Zāwiyah t.t.; Idārat al-Mawqī‘ 2021). Setelah kematian Sīdī Aḥmad al-Ghumārī, al-Talīdī menerima tentangan dan halangan oleh sebahagian pengikut beliau sehingga beliau membina *zāwiyah* sendiri (Ashbūkī 2004). Pengikut Sīdī Bū Khubzah pula mengatakan bahawa al-Talīdī menamakannya sebagai Jam‘iyyah Ahl al-Ḥadīth (persatuan ahli hadis) (al-Tiṭwānī 2002). Hal ini mungkin disebabkan oleh banyaknya majlis pembacaan sumber teras hadis seperti *Jāmi‘ al-Tirmidhī* yang dilakukan di sini.

*Zāwiyah* berkenaan juga telah dikembangkan sehingga membentuk institusi yang dinamakan Ma‘had Ibn al-Qaṭṭān al-Khāṣṣ li’l-Ta‘līm al-‘Atīq (Ma‘had t.t.). al-Talīdī (2004: 68) mengatakan bahawa penubuhan sekolah mengikut metode tradisional ini bertujuan untuk mendidik hafalan al-Qur’ān dan *al-‘ulūm al-dīniyyah* (ilmu-ilmu agama). al-Talīdī telah mengeluarkan fatwa bahawa sistem persekolahan moden yang terdapat pada masa beliau tidak boleh diterima kerana menyebabkan kerosakan pemikiran dengan pandangan-pandangan yang sesat dan menentang agama di samping percampuran jantina dan pelanggaran tatacara pemakaian Islam

yang terdapat di dalamnya (Idārat al-Mawqī' 2021: fatwa kedua). Beliau juga ingin mengadakan tempat untuk bersolat Jumaat memandangkan fatwa beliau bahawa solat berimamkan mereka yang menerima gaji daripada waqaf di masjid umum adalah tidak sah (al-Talīdī 2004). Kedua-dua institusi ini masih beroperasi sehingga ke hari ini bawah penyeliaan anak beliau.

#### Penulisan

Selain mengajar, al-Talīdī juga telah memberikan penumpuan kepada penulisan. Beliau mengarang pelbagai kitab dan menulis fatwa. Walau bagaimanapun, beliau menolak untuk menulis dalam surat khabar kerana kebiasaannya ia turut mengandungi berita buruk, gosip liar dan maksiat. Selain itu, kertas surat khabar akan dibuang dan tidak dihormati yang menyebabkan ayat-ayat suci terdedah kepada penghinaan. Perbuatan ini adalah haram menurut beliau (Ashbūki 2004: 74). Berikut adalah senarai kitab yang dikarang oleh al-Talīdī:

#### Lapangan akidah

1. *al-Barāhīn al-Sāmiyah fī 'Aqīdat al-Firqah al-Nājiyah* (belum dicetak).

#### Lapangan al-Qur'ān dan tafsir

1. *al-Jawāhir wa al-Lāālī al-Mašnū'ah fī al-Tafsīr bi al-Aḥādīth al-Ṣaḥīḥah al-Marfū'ah*
2. *Asbāb Halāk al-Umam wa Sunnat Allāh fī al-Qawm al-Mujrimīn wa al-Munḥarifīn*
3. *Dalā'il al-Tawḥīd min al-Qur'ān wa al-Kawn*

#### Lapangan hadis:

1. *al-Anwār al-Bāhirah bi-Faḍā'il Ahl al-Bayt al-Nabawī wa 'l-Dhurriyyah al-Ṭāhirah*
2. *Bidāyat al-Wuṣūl bi-Lubb Ṣaḥīḥ al-Ummahāt wa al-Uṣūl*
3. *Faḍā'il al-Ṣaḥābah wa al-Difā' 'an Karāmatihim wa Bayān Khaṭar Mubghidīhim wa 'l-Ṭā'inīn fīhim*
4. *Ittiḥāf al-Wafā bi-Tahdhīb Kitāb al-Shifā li al-Qāḍī 'Iyāḍ*
5. *Jawāhir al-Biḥār fī al-Aḥādīth al-Ṣaḥīḥah al-Qiṣār*
6. *Tahdhīb al-Khaṣā'is al-Nabawiyyah al-Kubrā li 'l-Suyūṭī*
7. *Tahdhīb Sunan al-Tirmidhī*
8. *Tahdhīb wa Tahqīq al-Istinḥār li-Ghazw al-Tashabbuh bi al-Kuffār*
9. *Ittiḥāf al-Muslim bi-Zawā'id Abī 'Isā al-*

*Tirmidhī 'alā al-Bukhārī wa Muslim* (belum dicetak)

10. *al-Rā'id bi-Miffitāh Aḥādīth al-Zawā'id* (belum dicetak).

#### Lapangan fikah dan fatwa

1. *Buzūgh al-Qamar bi-Wujūb Taqṣīr al-Ṣalāt fī al-Safar*
2. *Itmām al-Minnah bi-Sharḥ Minhāj al-Jannah*
3. *Minhāj al-Jannah fī Fiqh al-Sunnah*
4. *Naṣb al-Mawā'id li-Dhikr al-Fatāwā wa 'l-Nawādir wa al-Fawā'id*
5. *Ta'līqāt 'alā al-Akḥbār al-Mastūrah fī al-Qirā'at fī al-Ṣalāt bi-ba'ḍ al-Sūrah*

#### Lapangan akhlak, tasawuf dan nasihat umum

1. *al-Fawā'id wa al-'Ibar min 'Ajā'ib al-Aqdamīn*
2. *al-Mar'ah al-Mutabarrījah wa Atharuhā al-Sayyi' fī al-Ummah*
3. *al-Quds al-Sharīf wa Kayfa Ihtallathu al-Ṣaḥāyinah?*
4. *Mashāhid al-Mawt wa Ahwāl al-Barzakh wa al-Qubūr*
5. *Mu'jizah ma'a Karāmah fī Kitāb al-Sharaf al-Muḥattam li 'l-Suyūṭī*
6. *Ta'līqāt 'alā Kitāb Tuḥfat al-Ikhwān fī Ādāb Ahl al-'Irfān*
7. *Zād al-Muttaqīn fī Ṣaḥīḥ Adhkār wa Ad'iyyah Sayyid al-Mursalīn*

#### Lapangan sejarah dan biografi

1. *al-Minaḥ al-Ilāhiyyah bi al-Mubashshirāt al-Talīdiyyah*
2. *al-Mubashsharūn bi al-Jannah*
3. *al-Muṭrib bi-Mashāhir Awliyā' al-Maghrib*
4. *Darr al-Ghamām al-Raqīq bi-Rasā'il al-Shaykh al-Sayyid Aḥmad ibn al-Ṣiddīq*
5. *Ḥayāt Sīdī Aḥmad ibn al-Ṣiddīq*
6. *Tuḥfat al-Qārī bi-Dhikr Ba'ḍ Karāmāt wa Mubashshirāt Sīdī Aḥmad ibn al-Ṣiddīq al-Ghumārī*

#### Karya bantahan dan perdebatan ilmiah

1. *Ahl al-Sunnah wa 'l-Shī'ah Bayna al-'Iṭidāl wa al-Ghuluw*
2. *al-Qawl al-Mumajjad fī al-Difā' 'an Karāmat Sayyidinā Aḥmad*
3. *al-Ṣarīm al-Mubīd li-mā Za'amahu al-Mubtadi' al-'Anīd min al-Ḍalālāt fī Sharḥ Kalimat al-Tawḥīd*
4. *Dar' al-Fasād bi al-Intiṣār li Ahl al-Sunnah wa Fary Awdāj Ahl al-Bid'ah: Mā dhā bi Ṭiṭwān?*

5. *Nashr al-A‘lām bi Bayān Man Ankara Ru‘yat Allāh fī al-Manām*

Selain daripada yang di atas, terdapat lebih dua puluh karya yang tidak dicetak sama ada disebabkan ia tidak selesai, beliau membatalkan hasrat mencetaknya atau faktor lain yang tidak dinyatakan (Ashbūkī 2004).

#### KITAB *BIDĀYAT AL-WUṢŪL*

Para penulis makalah memilih kitab ini untuk diperincikan memandangkan ia menggambarkan sumbangan besar al-Talīdī kepada pengajian hadis dengan menggunakan metode yang kebiasaannya digunakan oleh pengikut mazhab ahli hadis. Hal ini akan dapat menjelaskan lagi faktor beliau dianggap meninggalkan Ashā‘irah dan mendukung Salafiyah oleh sebahagian individu yang beranggapan bahawa metode berkenaan menjadi kayu ukur yang membezakan antara kedua-dua aliran (al-Dawsarī t.t.). Meskipun terdapat kenyataan al-Talīdī sendiri dalam autobiografi beliau dan kitab-kitab yang lebih jelas membicarakan hal ini, makalah ini ingin menumpukan perhatian kepada aspek ini melalui metode keserjanaan hadis beliau. Oleh sebab itu, kitab yang dianggap sebagai kemuncak dan sumbangan perdana beliau dalam ilmu hadis ini akan diperincikan.

#### JUDUL DAN CETAKAN

Kitab ini diberi judul *Bidāyat al-Wuṣūl bi-Lubb Ṣaḥīḥ al-Ummahāt wa al-Uṣūl* yang boleh diterjemahkan sebagai “Permulaan jalan ketibaan melalui inti sari hadis-hadis sahih daripada kitab-kitab hadis induk dan teras.” Sekali imbas, tajuk ini menggambarkan bahawa al-Talīdī akan menumpukan kepada hadis-hadis yang sahih, namun ia lebih luas daripada itu seperti yang akan dijelaskan nanti. al-Talīdī akan menghimpunkannya daripada sebahagian besar kitab-kitab hadis yang utama.

Oleh sebab jumlah hadis sedemikian adalah besar, kitab ini telah dicetak dengan ketebalan 12 jilid oleh percetakan Dar Ibn Hazm di Beirut bermula pada tahun 2004. Cetakan keseluruhan jilid kitab ini adalah mengikut fasa-fasa berikut:

1. Fasa 1: Jilid pertama dan kedua dicetak pada tahun 2004.

2. Fasa 2: Jilid ketiga hingga jilid kelapan dicetak pada tahun 2006.  
3. Fasa 3: Jilid kesembilan hingga jilid ke dua belas pada tahun 2010.

#### BILANGAN HADIS

Hadis-hadis dalam keseluruhan kitab ini tidak diberikan nombor yang berturutan secara terus-menerus. Secara umumnya, selepas setiap dua jilid, penomboran akan diulang semula kecuali bagi jilid 9,10,11, dan 12 di mana penomboran diulang bagi setiap jilid. Senarai jumlah adalah seperti berikut:

1. Jilid 1 & 2: 1716 hadis bernombor
2. Jilid 3 & 4: 965 hadis bernombor
3. Jilid 5 & 6: 1022 hadis bernombor
4. Jilid 7 & 8: 603 hadis bernombor
5. Jilid 9: 711 hadis bernombor
6. Jilid 10: 523 hadis bernombor
7. Jilid 11: 247 hadis bernombor
8. Jilid 12: 516 hadis bernombor

Secara keseluruhan, kitab ini mengandungi 6303 hadis bernombor. Ini tidak termasuk hadis yang dipetik dalam ulasan al-Talīdī kepada hadis.

#### OBJEKTIF PENULISAN

Tujuan asal kitab ini dikarang oleh al-Talīdī adalah untuk dijadikan rujukan peribadi seperti yang telah dinyatakan oleh beliau sendiri dalam mukadimah kitab dengan ungkapannya “sebagai peringatan untuk diriku.” Kemudian, beliau ingin menjadikannya sebagai panduan untuk golongan yang tidak mampu menelaah kitab-kitab hadis yang tebal kerana kesibukan atau rasa terbeban, serta golongan yang tidak mempunyai kemahiran untuk membezakan antara hadis-hadis yang sahih dan hadis-hadis yang daif dalam kitab-kitab yang besar tersebut (al-Talīdī 2004a).

#### JENIS DAN SUMBER HADIS

al-Talīdī menyatakan bahawa kitab ini menghimpunkan hadis-hadis yang *maqbul* (diterima untuk amalan) sama ada ia merupakan hadis yang *mutawātir* (laporan massa) secara *lafzī* (teks) atau *ma‘nawī* (makna), atau ia merupakan hadis yang *āḥād* (laporan individu) merangkumi *mashhūr*, *‘azīz* dan *gharīb*. Semua hadis tersebut sama ada *ṣaḥīḥ* atau *ḥasan* berdasarkan salah



satu kategorinya. al-Talīdī menegaskan bahawa beliau tidak akan memetik hadis yang disepakati *ḍa'īf* oleh para *muhaddith* (al-Talīdī 2004a).

al-Talīdī telah menyaring dan menghimpunkan hadis-hadis daripada kitab-kitab hadis yang induk dan berautoriti tinggi. Boleh dikatakan sebahagian besar hadis ini dipetik daripada kitab-kitab yang mengumpulkan hadis-hadis sahih seperti *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, *Ṣaḥīḥ Muslim*, *Muṣṭadrak al-Hākim*, *Ṣaḥīḥ Ibn Hibbān* dan *Ṣaḥīḥ Ibn Khuzaymah*. al-Talīdī juga telah menyenaraikan kitab-kitab sumber yang digunakan olehnya dalam pemilihan hadis-hadis tersebut. Kitab-kitab tersebut ialah: enam kitab hadis induk (*al-Kutub al-Sittah*), *al-Muwatta'*, *Sunan al-Dārimī*, *Sunan al-Bayhaqī*, *Musnad Aḥmad*, *Musnad al-Humaydī*, *Musnad Abū Ya' lā*, *Musnad al-Bazzār*, *Muṣannaf Ibn Abī Shaybah*, *Muṣannaf 'Abd al-Razzāq al-Ṣan'ānī* dan ketiga-tiga *Mu'jam al-Ṭabrānī* (al-Talīdī 2004a).

#### METODE UMUM PENYUSUNAN KANDUNGAN

Kitab ini dimulakan dengan mukadimah yang ditulis oleh al-Talīdī untuk menjelaskan metode yang digunakan olehnya ketika mengarang kitab ini. Dalam mukadimah yang ringkas dan padat ini, al-Talīdī telah membekalkan beberapa maklumat penting seperti tujuan penyusunan kitab, jenis hadis yang dipilih dan sumber-sumber hadis tersebut.

Kemudian, al-Talīdī menulis beberapa perbahasan ilmiah yang berkaitan dengan ilmu hadis seperti: definisi wahyu Ilahi, individu pertama yang membukukan hadis-hadis Nabawi, pembukuan kitab hadis yang pertama dalam sejarah keilmuan Islam, sejarah perkembangan pembukuan hadis mengikut kronologi pada setiap kurun bermula daripada zaman Rasulullah dan para sahabat sehingga kurun kelima hijrah, sejarah penyaringan dan pembukuan kitab hadis-hadis sahih sahaja, pembukuan kitab-kitab hadis yang mukhtasar (ringkas), kedudukan Sunnah dalam perundangan Islam, kewajipan beramal dengan Sunnah, dan kelebihan berkhidmat dalam lapangan ilmu hadis (Omar 1995).

Kemudian, hadis-hadis dibahagikan mengikut kitab contohnya *kitāb al-'Ilm*, *kitāb al-Īmān wa al-Islām*, *kitāb al-Ṭahārah* dan lain-lain. Senarai kitab dalam karya ini menunjukkan bahawa al-Talīdī memberikan perhatian kepada pelbagai tajuk merangkumi akidah, ibadah, akhlak, sirah, tafsir, eskatologi dan lain-lain. Setiap kitab pula mengandungi beberapa bab dan hadis-hadis disusun dalam setiap bab tanpa mengikut metode tertentu.

Metode al-Talīdī dalam penyusunan bab-bab dalam kitab ini hampir menyamai metode yang digunakan dalam kebanyakan kompendium hadis tematik seperti *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, *Sunan Abī Dāwūd*, *Jāmi' al-Tirmidhī* dan lain-lain (Bin Jamil 2017). Organisasi maklumat di dalamnya adalah mengikut turutan berikut: kompendium – kitab – bab – hadis.

Metode al-Talīdī dalam membentangkan hadis pula adalah dengan menulis teks hadis dengan menyebut perawinya dalam kalangan sahabat sahaja tanpa memetik keseluruhan sanad. Beliau juga tidak memperincikan perbezaan riwayat dan lafaz melainkan pada kadar yang ringkas sahaja apabila perlu. Setiap hadis akan diikuti dengan maklumat *takhrīj* yang menjelaskan status penilaiannya. Sekiranya terdapat perkataan yang boleh dikategorikan sebagai *gharīb al-ḥadīth*, beliau akan menerangkannya. Setelah itu, *sharḥ* atau ulasan akan diberikan. Beliau menjelaskan makna hadis secara ringkas. Tahap perincian penerangan hadis yang diberikan adalah berbeza bergantung kepada keperluan dan kepanjangan lafaz sesebuah hadis. Terdapat hadis-hadis yang diterangkan secara ringkas sahaja dan terdapat pula hadis-hadis yang diulas dengan panjang lebar. Setiap penerangan hadis dimulakan dengan tanda huruf "shīn" yang menjadi simbol kepada *sharḥ al-ḥadīth* (ulasan hadis).

#### MANHAJ TAKHRĪJ DAN PENILAIAN HADIS

Sebagai kitab yang ditulis untuk peringatan dan ditujukan kepada mereka yang tidak berkemahiran atau berkesempatan, maklumat *takhrīj* atau penilaian hadis dalam kitab *Bidāyat al-Wuṣūl* boleh dikatakan merangkumi maklumat asas sahaja. Penyelidik yang memerlukan maklumat terperinci perlu merujuk sumber yang lain. Oleh sebab itu, pada setiap nota *takhrīj* selepas nukilan hadis, al-Talīdī akan menyatakan nama *muhaddīth* yang merekodkannya, tajuk kitab dalam kompendium *muhaddīth* tersebut, dan nombor hadis. Sekiranya perlu, beliau akan meletakkan nama kompendium berkenaan dan nombor jilid diikuti nombor muka surat. Sekiranya hadis tersebut datang daripada kompendium *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* dan *Ṣaḥīḥ Muslim*, al-Talīdī kebiasaannya tidak akan menyertakan maklumat penilaian oleh tokoh *muhaddīth* lain. Namun, apabila perlu, al-Talīdī akan menyatakannya. Sebagai contoh, beliau akan menulis: "al-Ḥakim menilai hadis ini sahih dan dia dipersetujui oleh al-Dhahabī." Metode penyusunan semua kompendium ini pula adalah berdasarkan autoriti dan senioriti. Sebagai contoh, Aḥmad ibn

Hanbal yang wafat pada 241 H akan didahulukan dan diikuti oleh al-Bukhārī (256 H) dan Muslim (261 H). Kemudian para *muḥaddith* yang lain akan disebut contohnya Abū Dāwūd (275 H) dan seterusnya.

Berdasarkan ini, metode *takhrīj* yang digunakan oleh al-Talīdī boleh dikatakan mewakili metode peringkat pertama atau yang dinamakan sebagai *al-ʿazwu* (penamaan sumber sahaja) dengan sedikit maklumat penilaian. Hal ini kerana *takhrīj* boleh dibahagikan kepada tiga tahap utama:

1. *al-ʿAzwu maʿa al-ishārah ilā al-ḥukm* (penamaan sumber bersama kenyataan status secara ringkas).
2. *al-ʿAzwu maʿa al-kalām fī al-isnād wa bayān al-ḥukm* (penamaan sumber, pembahasan sanad dan penilaian status hadis).
3. *al-Takhrīj al-Muwassaʿ* (penilaian hadis secara terperinci dengan menyemak jalur-jalur laporan, versi-versi periwayatan, kecacatan tersembunyi pada sanad dan matan, dan penilaian status secara perbandingan).

Untuk memahami dengan lebih jelas, contoh berikut dikemukakan:

Pada muka surat ke 76 jilid ke-10, al-Talīdī membawa hadis yang diriwayatkan oleh Abū Hurayrah yang bermaksud: “Yahudi telah berpecah kepada tujuh puluh satu kelompok atau tujuh puluh dua. Demikian juga yang terjadi kepada Nasrani. Umatku akan berpecah kepada tujuh puluh tiga kelompok.” Pada bahagian *takhrīj*, al-Talīdī menulis “Diriwayatkan oleh Aḥmad (2/332), Abū Dāwūd dalam *al-Sunnah* (4596), al-Tirmidhī dalam *al-Īmān* (2451), Ibn Mājah dalam *al-Fitan* (3991), Ibn Hibbān (1834) dan al-Ḥākim (1/6/28). al-Tirmidhī menilainya *ḥasan* dan menilainya juga *ṣaḥīḥ*. Demikian juga al-Ḥākim menilainya *ṣaḥīḥ* berdasarkan kriteria Muslim, dan dia disokong oleh al-Dhahabī. Berkenaan topik ini, terdapat banyak riwayat lain dan sebahagiannya telah dinyatakan dalam kitab *al-Īmān*.” Untuk perbandingan yang menjelaskan metode dan penumpuan al-Talīdī, hadis yang sama telah diperincikan perbincangannya oleh Abdullah al-Judaie (2007) dalam karyanya *Aḍwāʿ alā Ḥadīth Iftirāq al-Ummah*. Demikian juga penulisan ʿAlī Nāyif al-Shuḥūd (2009) dalam *Mufaṣṣal fī Takhrīj Ḥadīth Iftirāq al-Ummah* dan ʿĀdil Farhāt al-Shalabī (2018) dalam *Ḥadīth (Iftirāq al-Ummah) bayna al-Taṣḥīḥ wa ʿl-Taḍʿīf*.

Sejajar dengan metode di atas, al-Talīdī lebih banyak bergantung kepada penilaian para *muḥaddith* sebelum beliau dalam menentukan status hadis tanpa sebarang bantahan. Para *muḥaddith* yang dijadikan sebagai sandaran pula boleh dibahagikan kepada tiga kelompok:

1. *al-Mutaqaddimūn* (golongan terdahulu) seperti al-Bukhārī, Muslim, al-Tirmidhī, al-Ḥākim, Ibn Hibbān, Ibn Khuzaymah dan Ibn al-Jārud.
2. *al-Mutaʾakhhirūn* (golongan kemudian) seperti al-ʿIrāqī (1/54, 7/25 dan 10/68), al-Nawawī (1/52, 1/54 dan 1/175), Ibn ʿAbd al-Barr (1/52 dan 1/163), Ibn Kathīr (1/138, 3/14, 9/10 dan 10/35), al-Haythamī (7/12, 9/10 dan 9/98), al-Mundhirī (1/229, 7/12 dan 9/10), al-Būṣīrī (1/149, 9/9 dan 9/83), Ibn Ḥajar al-ʿAsqalānī (10/9 dan 10/35), al-Sakhāwī (10/79), al-Suyūṭī (1/60 dan 9/41), al-Munāwī (10/79) dan ramai lagi.
3. *al-Muʾāṣirūn* (ilmuwan hadis sezaman); al-Talīdī tidak banyak bergantung kepada pandangan mereka. Beliau kelihatan lebih selesa mengambil pandangan ulama silam. Pandangan ilmuwan sezaman lazimnya dijadikan sebagai sokongan. Hanya di beberapa tempat sahaja al-Talīdī menukilkan pandangan mereka, contohnya pandangan gurunya Aḥmad al-Ghumārī (1/232), al-Albānī (1/232 dan 9/10) dan Aḥmad Shākir (1/232 dan 10/32).

#### MANHAJ ULASAN HADIS

Seperti yang telah dinyatakan, tiada keseragaman pada bentuk dan kadar ulasan yang diberikan kepada hadis-hadis dalam kitab ini. al-Talīdī memberikan ulasan yang menurut pandangan beliau memadai untuk memberi kefahaman umum atau kefahaman sebenar berkenaan sesuatu hadis. Ada kalanya, beliau akan menyatakan bahawa perbincangan yang lebih mendalam boleh dirujuk dalam kitab-kitab tertentu.

Antara sumber rujukan al-Talīdī dalam menjelaskan teks hadis ialah: *Fath al-Bārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* dan *Bulūgh al-Marām* karya Ibn Ḥajar al-ʿAsqalānī, *al-Minhāj* syarahan al-Nawawī kepada *Ṣaḥīḥ Muslim* dan *al-Adhkār* oleh beliau, *Maʿālim al-Sunan* karya al-Khaṭṭābī, *al-Muḥallā* karya Ibn Ḥazm, *Sharḥ al-Sunnah* karya al-Bāghawī, *al-Nihāyah* karya Ibn al-Athīr, *Nayl al-Awṭār* karya al-Shawkānī, *Fayḍ al-Qadīr* karya al-Munāwī, *Sharḥ ʿUmdat al-Aḥkām* karya Ibn Daqīq al-ʿĪd, dan *Zād al-Maʿād* karya Ibn Qayyim al-Jawziyyah.

Contoh ulasan al-Talīdī diletakkan di sini untuk kefahaman yang lebih jelas. Pada muka surat ke 392 jilid ke-5, al-Talīdī mengulas hadis yang menyatakan: “Silakan berbeza dengan kaum musyrikin, *waffirū* (biarkan lebat) janggut dan *uhfū* (pendekkan) misai.” al-Talīdī menyatakan bahawa *waffirū*, *u'fū*, *arkhū*, *awfū*, dan *arjū*, yang digunakan dalam pelbagai versi hadis ini kelima-limanya membawa makna yang sama iaitu membiarkan janggut tanpa dicukur. Menurut al-Talīdī, hadis ini menjelaskan hukum berkenaan misai dan janggut. Para ulama berbeza pendapat berkenaan misai sama ada dipendekkan atau dicukur. al-Talīdī berkata: “Kami berpandangan, *wa'l-Lāhu ta'āla a'lam*, bahawa hukum antara dua pendapat ini adalah luas. Lihat amalan para sahabat dan tabiin dalam *Muṣannaf Ibn Abī Shaybah* (5/225, 226) iaitu dalam kitab *al-Adab*.”

Seterusnya al-Talīdī membincangkan hukum berkenaan janggut pula. Menurut beliau, adat Majusi dan warga Farsi pada zaman Nabi ialah memotong janggut dan membiarkan misai lebat. Syariat telah menegah hal ini dan memerintahkan supaya umat berbeza dengan mereka. Nabi dan para sahabat membiarkan janggut mereka lebat. Tidak diriwayatkan dengan sah sebarang tindakan mencukur walaupun sekali. Demikianlah para salaf, para imam dan ulama kaum Muslimin sepanjang zaman turut melakukan hal yang sama. Para ulama mazhab yang empat juga menyebut hukum mencukurnya sebagai haram. Kata al-Talīdī:

“Dan mencukur tidaklah diamalkan secara meluas melainkan selepas penjajahan yang celaka. Kaum Muslimin telah meniru kaum kafir dan menyerupai mereka dari aspek imej dan gaya, termasuklah dengan mencukur janggut. Terdapat dalam kalangan ulama pula mereka yang nipis agamanya lalu mereka mengambil mudah dan memperkecilkan nilainya. Mereka berfatwa tentang keharusan mencukurnya lalu mereka menjadi sesat dan menyesatkan. Padahal pada perbuatan mencukur itu terdapat beberapa bentuk maksiat (al-Talīdī 2004a).”

Demikian penerangan al-Talīdī berkenaan hadis di atas. Manhaj ulasan ini boleh dikategorikan sebagai metode ulasan ringkas. Sebagai perbandingan, boleh dirujuk karya Abdullah al-Judaie (2005) berkenaan janggut yang berjudul *al-Lihyah: Dirāsah Hadīthiyah Fiqhiyyah*.

#### PENILAIAN SUMBANGAN *BIDĀYAT AL-WUṢŪL*

Apabila rekod hadis yang sahih tidak hanya terhad kepada kompendium *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* dan *Ṣaḥīḥ*

*Muslim*, ramai tokoh mencuba untuk mengumpulkan hadis-hadis yang sahih yang tidak direkodkan dalam kedua-dua koleksi tersebut. *al-Mustadrak* yang dikarang oleh al-Ḥākim adalah salah satu contoh. Ada yang mengumpulkan hadis-hadis beberapa kitab dalam satu koleksi seperti dalam genre *kutub al-jam' bayn al-kutub*. Pada zaman sekarang, terdapat usaha menghimpunkan hadis-hadis yang sahih daripada *masānīd* dan *sunan* yang dikarang oleh para *muḥaddith*. Sebagai contoh, *al-Jāmi' al-Ṣaḥīḥ li'l-Sunan wa al-Masānīd* susunan Ṣuhayb 'Abd al-Jabbār mengandungi hadis yang beliau nilai sebagai sahih sahaja daripada pelbagai koleksi dan mencapai ketebalan 38 jilid. *al-Musnad al-Muṣannaf al-Mu'allal* yang disusun oleh Bashshār 'Awwād Ma'rūf dan kumpulannya pula mengandungi kesemua hadis tanpa mengambil kira status dan disertai dengan perbincangan kritikan sanad. Ia dicetak setebal 40 jilid besar. Terma *ṣaḥīḥ* pula digunakan secara khusus dan umum. Apabila digunakan secara umum, ia merujuk kepada hadis-hadis *maqbul*, iaitu yang boleh diamalkan merangkumi hadis-hadis yang *ḥasan* dan *ḍa'if* pada tahap yang ringan. Dari sudut ini, karya al-Talīdī dianggap unik kerana tidak hanya terhad kepada *ṣaḥīḥ* sahaja dan tidak pula terlalu luas meliputi kesemua hadis. Beliau menghimpunkan hadis-hadis utama yang boleh diamalkan daripada kompendium-kompendium utama hadis. Dari perspektif ini, karya beliau boleh dianggap seumpama karya 40 hadis oleh al-Nawawī yang telah dikembangkan berkali-kali ganda sehingga menjadi lebih luas. Karya beliau tidak pula terhad kepada tema tertentu seperti yang dilakukan oleh al-Nawawī dalam *Riyāḍ al-Ṣāliḥīn* atau Ibn Ḥajar dalam *Bulūgh al-Marām*. Lebih unik lagi ialah *Bidāyat al-Wuṣūl* dilengkapi dengan ulasan ringkas yang memadai untuk golongan kelas menengah yang bukan pakar dalam bidang. Maka, *Bidāyat al-Wuṣūl* boleh dinilai sebagai lengkap, padat, memadai dan sesuai dengan kesibukan kontemporari.

Dari aspek *takhrīj*, metode yang digunakan oleh al-Talīdī boleh dikatakan terlalu ringkas untuk membolehkan beliau digolongkan dalam kalangan *nuqqād* (para *muḥaddith* yang berkemahiran melakukan kritikan sanad dan matan). Perlu dinyatakan bahawa al-Talīdī tidaklah hanya bergantung kepada pengesahan hadis yang dilakukan oleh para *muḥaddith* yang lain. Beliau turut memberikan penilaian sendiri. Sebagai contoh, sila rujuk hadis-hadis berikut -nombor mengikut format [jilid/muka surat (nombor hadis)]: 1/89 (125), 1/137 (210), 1/142 (218), 3/55 (56), 3/109 (139), 7/23 (22), 7/52 (62), 9/17 (10), 10/11 (11) dan 10/57 (86). Pada muka surat 11 jilid ke-10, contohnya,

al-Talīdī menggunakan istilah yang dipakai oleh para *muḥaddith* dalam kalangan *mutāakhhirūn*. Beliau berkata: “sanadnya *ḥasan* dan hadis ini *ṣaḥīḥ li-ghayrih*.” Kebanyakan pengesahan yang dilakukan oleh beliau adalah berdasarkan metode penilaian *mutāba‘āt* dan *shawāhid*.

Didapati bahawa al-Talīdī juga mengkritik pandangan beberapa *muḥaddith* lain dalam menentukan status sesebuah hadis. Contohnya, berkenaan hadis nombor 14 pada muka surat 18 jilid ke-7. Beliau tidak bersetuju dengan pandangan Ibn Hajar menilai hadis tersebut sebagai *ḥasan*, sedangkan al-Talīdī cenderung menilainya sebagai *ṣaḥīḥ*. Demikian juga, hadis nombor 103 pada muka surat 81 jilid pertama yang membicarakan *iftirāq al-ummah*. Beliau tidak bersetuju dengan pandangan beberapa ilmuwan yang menilainya *ḍa‘īf* sedangkan hadis itu *ṣaḥīḥ* berdasarkan himpunan riwayat. Meskipun demikian, metode paparan *takhrīj* yang ringkas dan teknik penulisan kitab yang lebih cenderung mengaplikasikan metode ilmu *rivāyah* menyebabkan sukar untuk dinilai kekuatan al-Talīdī sebagai *nāqid*, sekurang-kurangnya menerusi *Bidāyat al-Wuṣūl*.

Dari aspek *‘ilm sharḥ al-ḥadīth* atau ilmu huraian hadis yang merupakan keunikan *Bidāyat al-Wuṣūl*, al-Talīdī berupaya menonjolkan kekuatan beliau menerusi rujukan yang luas kepada banyak sumber terdahulu. Kepelbagaian sumber rujukan beliau membuktikan keluasan bacaan beliau terhadap kitab-kitab hadis secara umum, khususnya ketika mengulas hadis-hadis yang melibatkan hukum yang mencetuskan pelbagai sudut pandang yang berbeza dalam kalangan *muḥaddithūn* dan *fuqahā’* secara umum, dan *fuqahā’* mazhab Mālikī secara khusus. Beliau juga berani untuk menyatakan pendirian beliau yang ada kalanya bercanggah dengan pendirian ramai ilmuwan yang lain. Kitab ini menjadi satu contoh yang baik untuk metode *al-sharḥ al-ijmālī* (syarahan ringkas) dalam bidang ini meskipun terdapat huraian yang agak panjang untuk sebilangan hadis. Kekurangan metode ini ialah ia tidak mempamerkan penguasaan pensyarah dalam menghuraikan sesuatu hadis seperti yang mampu ditonjolkan melalui *al-sharḥ al-taḥlīlī* (syarahan analisis).

#### RESEPSI, RESPON DAN LEGASI

Pada bahagian ini, sedikit pendedahan berkenaan penerimaan dan kritikan sama ada terhadap *Bidāyat al-Wuṣūl* atau al-Talīdī sendiri akan dinyatakan. Carian menerusi laman sesawang menunjukkan bahawa kitab ini telah disebarkan dengan meluas khususnya versi

salinan digitalnya. Walau bagaimanapun, seperti al-Talīdī, tidak ada sebarang kajian akademik yang meneliti kandungan dan sumbangan kitab ini. Hanya ada segelintir kajian berbahasa Arab yang menyebut berkenaannya sepintas lalu dan memujinya (al-Haddār 2017). Belum ada sebarang khidmat yang lain yang diberikan kepada kitab ini. Meskipun demikian, tujuan penyusunan kitab ini kelihatan telah dicapai memandangkan al-Talīdī menyasarkan golongan kelas menengah berbanding kelompok penyelidik.

al-Talīdī sendiri tidak sunyi daripada kritikan dan penentangan. Disebabkan pendirian beliau yang tegas dalam soal politik dan penolakan terhadap penjajahan, beliau menghadapi pelbagai cabaran. Ditambah pula dengan ketegasan beliau dalam fatwa yang kelihatan anti kemodenan dan mendukung teguh tradisi, beliau telah dihujani dengan pelbagai tohmahan. Beliau pernah dipenjarakan kerana tidak berpuasa dan berbuka mengikut ketetapan di Maghribi sebaliknya berdasarkan pemerhatian anak bulan oleh kaum Muslimin seluruh dunia. Ini juga merupakan pandangan al-Ghumāriyyah (al-Talīdī 2004: 87). Hasilnya, beliau ditohmah menentang kerajaan dan terpengaruh dengan revolusi Islam Iran.

Pertentangan paling dahsyat berlaku antara pengikut al-Talīdī dan pengikut rakan seperguruannya Muhammad al-Amīn Bū Khubzah (gerakan Anṣār al-Sunnah). Bū Khubzah sendiri ada menulis buku dan menggelar al-Talīdī sebagai wali syaitan. Menurut Bū Khubzah, apabila al-Talīdī menukar *zāwiyah*nya kepada institusi al-Qur’an kemudian mengingkari perbuatan menjadikan kubur sebagai tempat solat, fahaman *wahdatul wujud*, serta fahaman Syiah dan Rafidah, beliau menaruh harapan yang baik terhadapnya. Namun, beliau mendapati al-Talīdī masih menghormati tarian Sufi dan menegurnya apabila beliau ingin menyunting kitab *al-Qawl al-Munbāfi Tarjamat Ibn al-‘Arabī* yang menghimpunkan pandangan yang mengkafirkan Ibn al-‘Arabī. Apabila al-Talīdī mengarang kitab *al-I‘lām bi-Jawāz Ru‘yat Allah fī al-Manām* yang menyebut keharusan melihat Allah dalam mimpi, Bū Khubzah telah menulis *al-I‘lām bi-Murūq al-Kurfa‘ī min Dīn al-Islām* (Pengumuman berkenaan kedudukan al-Kurfa‘ī yang terkeluar daripada Islam) atau *Bayān ilā al-Dajjāl al-Qarma‘ī, ‘Abd Allāh al-Kurfa‘ī* (Penerangan buat dajjal yang mengikut metode Qaramitah, al-Talīdī). al-Talīdī juga sangat *menghormati al-Baḥr al-Madīd*, tafsir Ibn ‘Aḥḥab yang dianggap penuh dengan kesesatan oleh beliau (Bū Khubzah 2018).

al-Talīdī juga sering berhadapan penentangan daripada pengikut al-Ghumāriyyah. Meskipun beliau

dan guru-guru al-Ghumāriyyah saling berutusan, terdapat beberapa perbezaan pandangan fikah. Jika al-Talīdī berpandangan bahawa wajib memendekkan solat (*qaṣr*) ketika bermusafir seperti dalam *Buzūgh al-Qamar bi-Wujūb Taqṣīr al-Ṣalāt fī al-Safar*, 'Abd Allāh al-Ghumārī mengarang dua penulisan iaitu *al-Rāy al-Qawīm fī Wujūb Itmām al-Musāfir Khalfa al-Muqīm* yang mewajibkan *itmām* di belakang imam yang bermukim, dan *al-Ṣubḥ al-Sāfir fī Tahqīq Ṣalāt al-Musāfir* berkenaan solat musafir. Jika al-Talīdī berpandangan seperti gurunya Aḥmad bahawa mereka yang tertinggal solat Jumaat hendaklah menggantikannya dengan solat Zuhur empat rakaat, 'Abd al-'Azīz al-Ghumārī berpandangan bahawa ia digantikan dengan solat Zuhur dua rakaat sahaja (Ashbūkī 2004: 47–48). Maka tidak hairanlah beliau sering berhadapan penentangan terutamanya dari arah Muḥammad al-Zamzamī, 'Abd al-'Azīz dan Bū Khubzah.

Legasi al-Talīdī secara umumnya diteruskan oleh anak-anak muridnya khususnya seperti yang disenaraikan pada laman sesawang beliau. Secara khususnya *zāwīyah* al-Talīdiyyah diteruskan oleh anak beliau Muḥammad al-Talīdī. Muḥammad al-Talīdī juga seorang yang berkecimpung dalam lapangan hadis seperti yang dapat dilihat menerusi karyanya yang sangat masyhur iaitu *Turāth al-Maghāribah fī al-Ḥadīth* (Warisan keilmuan warga Maghāribah dalam lapangan hadis).

## KESIMPULAN

'Abd Allāh al-Talīdī ialah salah seorang tokoh hadis yang telah memberikan sumbangan yang besar kepada lapangan hadis secara khusus dan pengajian Islam secara umum. Sejarah hidup dan metodologi al-Talīdī memperlihatkan pola pemikiran Islam dalam kalangan ulama tradisional Maghribi terutamanya yang melibatkan madrasah al-Ṣiddīqiyyah al-Ghumāriyyah. Kepelbagaian pendirian dan konflik juga menunjukkan pengamalan ijtihad yang wujud dalam kalangan mereka yang muncul di arena keilmuan melalui tradisi *zāwīyah*. Meskipun tidak terkenal sebagai salah seorang *nuqqād* dalam kesarjanaan hadis semasa, al-Talīdī telah memberikan sumbangan kepada pendidikan masyarakat umum melalui karya *Bidāyat al-Wuṣūl* yang menunjukkan pendekatan pengesahan hadis dan penolakan hadis yang sangat lemah dan palsu dianggap sangat penting dalam menyampaikan kerangka dan amalan Islam yang benar. Dari aspek yang lain, al-Talīdī merupakan salah satu contoh usaha menggabungkan pendekatan

hadis dan pendekatan tasawuf dalam kalangan ilmuwan semasa. Cabaran terhadap percubaan ini jelas dapat disaksikan melalui konflik penentuan kerangka Sufi dan Salafi yang melatari kesarjanaan beliau dan para ilmuwan yang berkait rapat dengan beliau. Kajian lebih lanjut diperlukan untuk memahami sejauh mana fenomena ini memberi kesan kepada kesarjanaan umum umat Islam khususnya apabila diambil kira jaringan hubungan antara tokoh-tokoh yang terlibat dan institusi utama dunia Islam. Selain itu, kajian-kajian terutamanya kajian tematik juga diperlukan untuk meninjau sumbangan pemikiran al-Talīdī menerusi ulasan hadis, fatwa-fatwa dan karangan pemikiran beliau yang terdapat dalam pelbagai karya beliau. Melalui usaha ini, diharapkan agar sejarah dan legasi kesarjanaan umat Islam dapat dihargai dengan sewajarnya dan dimanfaatkan untuk perkembangan akan datang.

## SUMBANGAN PENGARANG

Penyediaan draf, Tariq Jafri Mohd Akbar; pengarang, Khairil Husaini Bin Jamil dan Tariq Jafri Mohd Akbar; biografi, Tariq Jafri Mohd Akbar; sumber utama biografi, Khairil Husaini Bin Jamil; Madrasah Siddiqiyah, Khairil Husaini Bin Jamil dan Tariq Jafri Mohd Akbar; Kitab *Bidayat al-Wusul*, Tariq Jafri Mohd Akbar; manhaj takhrij dan ulasan al-Talidi, Khairil Husaini Bin Jamil dan Tariq Jafri Mohd Akbar; penilaian sumbangan *Bidayat al-Wusul*, Khairil Husaini Bin Jamil dan Tariq Jafri Mohd Akbar; resepsi, respon dan legasi, Khairil Husaini Bin Jamil; semakan maklumat, Tariq Jafri Mohd Akbar; semakan tatabahasa, Khairil Husaini Bin Jamil; suntingan akhir, Khairil Husaini Bin Jamil. Semua pengarang telah membaca dan bersetuju dengan isi kandungan manuskrip.

## RUJUKAN

- Aamadou Diallo, El Hadji Samba. 2021. Salafism in the Maghreb: Politics, piety, and militancy. *African Studies Review* 64 (4): E37-E39.
- Abdullah, Mohd. Napiyah. 1982. Sahih al-Bukhari: Kitab hadith yang disusun pada abad ketiga hijrah. *Islāmiyyāt: International Journal of Islamic Studies* 4: 57-65.
- Abu Bakar, Ibrahim. 1986. Some remarks on isnad and matn of the tradition. *Islāmiyyāt: International Journal of Islamic Studies* 7: 73-86.
- Al Salmān, Mashhūr ibn Ḥasan. 1995. *Kutub Ḥazzara Minhā al-'Ulamā'*. Riyadh: Dār al-Ṣumay'ī.
- Ali, Mohamed. 2019. Understanding Salafis, Salafism and Modern Salafism. *Islāmiyyāt: International Journal of Islamic Studies* 41(1): 125 – 136.

- Ashbūkī, al-Ḥusayn. 2004. *‘Abd Allāh al-Talīdī: al-‘Allāmah al-Murabbī Wa al-Muḥaddith al-Atharī*. Damascus: Dār al-Qalam.
- Bin Jamil, Khairil Husaini. 2017. *Traditional sunni epistemology in the scholarship of al-Hafiz al-Khatib al-Baghdadi (463AH/1071CE)*. SOAS, University of London.
- Bū Khubzah, Muḥammad Abū Uways al-Ḥusaynī. 2018. *Ṣaḥīfat Sawābiq Wa-Jarīdat Bawā‘iq, Min Kalām al-Shaykh al-Ṣūfī Abī al-Fayḍ Aḥmad Ibn al-Ṣiddīq al-Ghumārī*. Riyadh: Dār al-Tawḥīd li’l-Nashr.
- al-Būfī, Sa‘īd Ramaḍān. 1988. *al-Salafīyyah Marḥalah Zamaniyyah Mubārakah Lā Madhhabun Islāmī*. Damascus: Dār al-Fikr.
- al-Būzaydī, ‘Abd al-Khāliq. 2012. ‘Abū al-Futūḥ ‘Abd Allāh al-Talīdī’. *Dīwān al-Ashraf al-Adārisah*. <https://aladdarssah.com/showthread.php?p=63582> (June 29, 2021).
- al-Dawsarī, Abū ‘Umar. ‘Muḥaddith al-Maghrib Wa Tilmīdh al-Ghumārī Min al-Ash‘ariyyah Ilā al-‘Aqīdah al-Salafīyyah’. *Ṣayd al-Fawā‘id*. <http://www.saaid.net/feraq/el3aedoon/35.htm> (June 30, 2021).
- al-Ghumārī, ‘Abd Allāh ibn Muḥammad ibn al-Ṣiddīq. 1998. *al-I‘lām Bi-Anna al-Taṣawwuf Min Sharī‘at al-Islām*. Cairo: Maktabah al-Qāhirah.
- . 2004. *Khawāṭir Dīniyyah*. Cairo: Maktabah al-Qāhirah.
- al-Haddār, Usāmah. 2017. ‘al-‘Allāmah al-Muḥaddith al-Shaykh Sīdī ‘Abd Allāh al-Talīdī Wa Juhūduhu Fī Khidmat al-Sunnah Tadrisan Wa Tālīfā’. *al-Rābiṭah al-Muḥammadiyyah li’l-‘Ulamā’*. <https://www.arrabita.ma/blog/العلامه-المحدث-الشيخ-سيدي-عبد-الله-التاليدى> (June 29, 2021).
- al-Hānī, Karīm. 2019. ‘al-Salafīyyah Fī al-Maghrib’. *Marayana.com*. <https://marayana.com/laune/2019/12/02/12745/> (June 23, 2021).
- Ibn Ṣādiq, Ṣādiq ibn Sālim. 2007. *Dhamm al-Ash‘irah Wa al-Mutakallimīn Wa al-Falāsifah Li-Aḥmad Ibn al-Ṣiddīq al-Ghumārī (Taḥqīq)*. Riyadh: Dār al-Tawḥīd li’l-Nashr.
- Idārat al-Mawqī‘, ‘Abd Allāh al-Talīdī. 2021. *‘Mawqī‘ al-Imām al-Hāfiẓ ‘Abd Allāh al-Talīdī’*. <http://talidi.com/>.
- al-Jabārī, ‘Abd Allah. 2012. ‘Tashayyu’ al-Urah al-Ṣiddīqiyyah al-Ghumārīyyah...Ḥaqā‘iq Wa Abāṭīl’. *Hespress*. <https://www.hespress.com/تشيع-الأسرة-الصدقية-و-تنشيع-الغمارية-حقائق-و-60077.html> (June 21, 2021).
- . 2014. ‘al-Manḥā al-Maqāṣidī ‘inda al-‘Ulamā’ al-Mu‘āṣirīn (al-Ghumārīyyūn Namūdhajan)’. *al-Muslim al-Mu‘āṣir*. <https://almuslimalmuaser.org/2014/10/30/المنحى-المقاصدي-عند-العلماء-المعاصري-أبحاث> (June 21, 2021).
- al-Judaie, Abdullah Yusuf. 2005. *al-Liḥyah: Dirāsah Ḥadīthiyyah Fiḥḥiyyah*. Beirut: Mu‘assasah al-Rayyān.
- . 2007. *Aḍwā‘ alā Ḥadīth Iftirāq al-Ummah*. Beirut: Mu‘assasah al-Rayyān.
- Kanzah, Akkah. 2005. *‘Subḥat al-‘Aqīq Bi-Dhikr Manāqib al-Shaykh Sīdī Muḥammad Ibn al-Ṣiddīq Li-Aḥmad Ibn Muḥammad Ibn al-Ṣiddīq al-Ghumārī (Taḥqīq)’*. Mohammed V University of Rabat.
- al-Kattānī, al-Ḥasan ibn ‘Alī Abū Muḥammad al-Sharīf. *Mulāḥazat Wa Ta‘līqāt alā Ashbūkī Fī Kitāb ‘Abd Allāh al-Talīdī*. al-Shāmilah al-Dhahabiyyah.
- Laher, Suheil Ismail. 2018. ‘Re-Forming the Knot - ‘Abdullāh al-Ghumārī’s Iconoclastic Sunnī Neo-Traditionalism’. *Journal of College of Sharia & Islamic Studies* 36(1): 201–16.
- al-Langkati, Husni Genting. *Ghāyat al-Rusūkh Fī Mu‘jam al-Shuyūkh*. Cairo: Dār al-Muqattam.
- Ma‘had, Ibn al-Qaṭṭān. ‘Laman Facebook Ma‘had Ibn al-Qaṭṭān al-Khāṣṣ Li’l-Ta‘līm al-‘Atīq’. *Facebook*. <https://www.facebook.com/معهد-ابن-القطان-الخاص-للتعليم-6760317042313671-العتيق>.
- al-Mar‘ashlī, Yūsuf ‘Abd al-Raḥmān. 2002. *Mu‘jam al-Ma‘ājim Wa al-Mashyakhāt Wa al-Fahāris Wa al-Barāmij Wa al-Athbāt*. Riyadh: Maktabah al-Rushd.
- Omar, Ariffin. 1995. Sunnah sebagai Bayān kepada al-Quran. *Islāmiyyāt: International Journal of Islamic Studies* 16: 3-18.
- Rābiṭah, ‘Ulamā’ Ahl al-Sunnah. 2017. ‘Rābiṭah ‘Ulamā’ Ahl al-Sunnah Tan‘ī al-‘Allāmah al-Muḥaddith al-Shaykh ‘Abd Allāh al-Talīdī’. *Rābiṭah ‘Ulamā’ Ahl al-Sunnah*. <https://www.rabtasunna.com/3336> (August 9, 2017).
- Rashād, Sārah. 2018. ‘al-Ṣiddīqiyyah al-Ghumārīyyah ... Rā‘id al-Taṣawwuf al-‘Ilmī’. *La Référence - Paris*. <https://www.almarjie-paris.com/4660> (June 21, 2021).
- al-Shalabī, ‘Ādil Farḥāt. 2018. ‘Ḥadīth (Iftirāq al-Ummah) Bayna al-Taṣḥīḥ Wa’l-Taḍ‘īf’. *al-Majallah al-‘Ilmiyyah li-‘Ulūm al-Sharī‘ah* 1 (January): 247–205.
- al-Shuḥūd, ‘Alī Nāyif. 2009. *al-Mufaṣṣal Fī Takhrīj Ḥadīth Iftirāq al-Ummah*. Pahang, Malaysia: Self-published.
- Silsilah ‘Ulamā’ Fī Diyāfat al-Majlis al-‘Ilmī*. 2013. Tangier: al-Majlis al-‘Ilmī al-Maḥallī.
- al-Talīdī, ‘Abd Allāh ibn ‘Abd al-Qādir. 1993. *Naṣb al-Mawā‘id Li-Dhikr al-Fatāwā Wa’l-Nawādir Wa al-Fawā‘id (Vol. 1)*. Beirut: Dār Ibn Ḥazm.
- . 2004. *Dhikrayāt Min Ḥayātī*. Damascus: Dār al-Qalam.
- . *Ḥayāt al-Shaykh Aḥmad Ibn al-Ṣiddīq al-Ghumārī; Wa-Yalīhi al-Mubashshirāt al-Talīdiyyah*.
- al-Tiṭwānī, Abū Ishāq. 2002. ‘al-Shaykh ‘Iṣām al-Bashīr al-Maghribī ... Halla Afadtanā ‘an ‘Ulamā’ al-Maghrib [Arkib Multaqā Ahl al-Ḥadīth]’. *al-Maktabah al-Shāmilah al-Ḥadīthah*. <https://al-maktaba.org/book/31621/873>
- Wagemakers, Joas. 2019. Salafism’s Historical Continuity: The Reception of ‘Modernist’ Salafis by ‘Purist’ Salafis in Jordan. *Journal of Islamic Studies* 30 (2): 205 – 231.
- Zahl, ‘Alyā’ Muḥammad. 2019. *al-Hāfiẓ Aḥmad Ibn al-Ṣiddīq al-Ghumārī Wa-Juhūduhu Fī Khidmat al-Ḥadīth Min Khilāl Ajzā‘ihi al-Ḥadīthiyyah*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- al-Zamzamī, Muḥammad ibn Muḥammad ibn al-Ṣiddīq al-Ghumārī. 1988. *al-Intiṣār Li-Ṭarīq al-Ṣūfiyyah al-Akhyār*. Morocco.
- . 1999. *al-Zāwiyah Wa-Mā Fihā Min al-Bida‘ Wa al-A‘māl al-Munkarah*. Maṭba‘ah Isbārṭīl.
- al-Zāwiyah, al-Talīdiyyah. ‘Laman Facebook al-Zāwiyah al-Talīdiyyah, Tangier’. *Facebook*. <https://www.facebook.com/صفحة-الزاوية-التليدية-بطنجة-20209302730443>.